

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]**

**TARIKH : 20 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan komitmen Kerajaan Persekutuan baru untuk menyelesaikan isu masalah bekalan air di negeri Kedah. Nyatakan jumlah peruntukan dari Kerajaan Persekutuan yang telah disalurkan ke negeri Kedah bagi meningkatkan bekalan air sejak 2018.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan Persekutuan komited dalam membantu menyelesaikan masalah bekalan air di negeri Kedah. Untuk itu, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan lapan projek bekalan air di negeri Kedah melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM1.64 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11).
2. Di samping itu, penstrukturan semula industri bekalan air negeri Kedah yang dijangka dapat dimuktamadkan pada Oktober 2020 juga membolehkan Syarikat Air Darul Aman Berhad (SADA) mendapat akses kepada pembiayaan dari Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) bagi membangunkan aset-aset air.

Sekian. Terima kasih.